

Fikirkan formula terbaik pastikan peralihan kuasa lancar

UM 21 JUN 2003
KUALA LUMPUR 20 Jun
— Ketua Puteri UMNO, Azalina Othman Said berkata, telah sampai masanya parti itu memikirkan satu formula terbaik sekiranya mahu memastikan peralihan kuasa dapat berjalan dengan lancar.

Menurut beliau, formula itu bukan sahaja dapat menjamin perpaduan dalam parti tetapi lebih penting ialah memastikan pemimpin yang dipilih berupaya menjalankan tanggungjawab dengan berkesan.

WMNO perlu memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan proses peralihan kuasa dan kepimpinan berjalan teratur dan lebih lancar," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Etika

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini berkata, etika pemilihan sekarang dikhuatiri tidak mencukupi bagi memastikan pemilihan parti pada tahun depan diadakan secara terkawal dan tidak memecahbelahkan ahli-ahli parti.

UMNO berpecah kepada dua kern pada tahun 1987 apabila berlaku peristiwa pertandingan dua penjurui antara Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan pencabarnya, Tengku Razaleigh Hamzah.

Peristiwa itu membawa kepada pengharaman UMNO sebagai sebuah parti pada tahun 1988 dan menyebabkan ahli-ahli berpecah menyertai UMNO (baru) dan Semangat 46.

Pelan peralihan yang diilhamkan Dr. Mahathir akan menyaksikan Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO pada akhir Oktober ini.

Azalina berkata, melalui formula tersebut, ahli-ahli parti perlu menghormati dan yakin bahawa keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan adalah demi kebaikan mereka semata-mata.

Beliau menolak kemungkinan bahawa langkah tersebut akan hanya mencatitkan proses demokrasi yang diamalkan dalam parti selama ini.